

Menjaga hak kanak-kanak

Apakah implikasi CRC kepada Malaysia?

UNDANG-UNDANG terbahagi kepada undang-undang domestik dan antarabangsa. Undang-undang domestik adalah undang-undang yang diluluskan oleh parlimen sesebuah negara dan Undang-undang antarabangsa dibuat oleh badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Undang-undang domestik dipanggil akta atau ordinan jika diluluskan di Parlimen Persekutuan dan enakmen atau Ordinan jika diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Undang-undang antarabangsa dipanggil triti atau konvensyen atau protokol.

Undang-undang antarabangsa mengikat negara yang menandatangani sahaja dan ia perlu diratifikasi oleh negara tersebut dan diluluskan sebagai undang-undang domestik untuk penguatkuasaan.

Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerima Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) pada 20 November 1989. Malaysia telah menerima konvensyen ini pada 1995. Konvensyen ini mengandungi 54 artikel dan hak yang diberikan adalah yang tidak membezakan warna, agama, jantina, bahasa, pegangan politik, etnik, ketidakupayaan, tempat kelahiran dan sebagainya. Konvensyen ini memperkenankan konsep *Best interest of the child* atau kepentingan kanak-kanak. Hak kanak-kanak dalam konvensyen terbahagi kepada:

a. Hak untuk hidup

Perkara asas untuk hidup seperti makan minum dan tempat tinggal serta kepada kehidupan yang sihat dan mencukupi atau dalam bahasa Inggerisnya, A

child is entitled to the basic right to life, to a healthy life and adequate standard of living. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita memastikan anak membesar dalam persekitaran yang terbaik. Artikel yang berkaitan dengan peruntukan ini ialah 6, 24 dan 27.

b. Hak untuk membangun peribadi melalui pelajaran

Hak ini bertujuan memastikan anak-anak menamatkan persekolahan rendah dan menghapuskan diskriminasi gender di sekolah rendah dan menengah menjelang 2015. Artikel berkaitan ialah 6, 28, 29, 23 dan 18.

c. Hak untuk dilindungi daripada semua jenis penganiayaan, penyalahgunaan dadah, mangsa perang, mangsa pelarian dan mangsa proses pengangkutan

Hak ini merangkumi semua jenis perlindungan yang diberikan kepada kanak-kanak daripada penganiayaan dan penderaan, kanak-kanak yang diperdagangkan, yang dilarikan, yang



KANAK-KANAK mesti dilayan sebagai manusia biasa yang mempunyai hak yang sama seperti orang dewasa.
- GAMBAR HIASAN

fiqh munakahat

Bersama **PROF. DATIN NOOR AZIAH MOHD. AWAL**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UKM serta Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, UKM & Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, (Yadim).
Boleh dihubungi di naha61@gmail.com



menjadi mangsa peperangan dan kanak-kanak yang melalui proses pengangkutan. Antara artikel yang berkaitan ialah artikel 33, 34, 7, 8 dan 20.

d. Hak untuk mengambil bahagian

Kanak-kanak mesti terlibat dalam proses membuat keputusan yang melibatkan kanak-kanak. Kanak-kanak mesti didengar dan bukan sekadar dilihat. Misalnya perkara yang melibatkan kanak-kanak secara terus seperti isu pendidikan, perubahan, hak bersuara dan sebagainya. Antara artikel yang berkaitan ialah 12, 14, 16, 17 dan 31.

Malaysia telah menerima Konvensyen Hak Kanak-Kanak pada 17 Februari 1995 dengan 12 reservasi, yang mana empat daripadanya telah ditarik balik dengan meninggalkan reservasi berikut:

- Art 1- takrifan tidak mendiskriminasi;
- Art 2- prinsip tidak mendiskriminasi;
- Art 7- Nama dan kerakyatan;
- Art 13- Kebebasan bercakap;
- Art 14- Kebebasan berfikir dan beragama
- Art 15- Kebebasan bersertaan;
- Art 28(i) Pelajaran sekolah rendah yang wajib dan percuma;
- Art 37- Penyelesaian dan kehilangan kebebasan

MANUSIA BIASA

Pada 2010, Malaysia menarik balik reservasi artikel 1, 13 dan 15. Ini bermakna, kanak-kanak di Malaysia berhak diberi kebebasan bercakap dan bersertaan. Oleh kerana ia adalah peruntukan konvensyen antarabangsa, maka ia masih terikat dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia serta mana-mana undang-undang domestik yang ada di Malaysia.

Konvensyen ini menganjurkan supaya semua orang mesti melayan kanak-kanak

sebagai manusia biasa yang mempunyai hak yang sama dengan manusia dewasa, menghormati hak dan kerahsiaan peribadi (*privacy*), tidak memelukannya di khalayak, tidak dianiaya, didera fizikal, mental dan emosi.

Di Malaysia untuk mencapai hasrat konvensyen, satu akta yang dinamakan Akta Kanak-kanak telah diluluskan oleh Parlimen untuk mengimplimentasikan hasrat konvensyen. Akta Kanak-Kanak 2001 memgabungkan tiga akta iaitu Akta Mahkamah Juwana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991.

Seperti yang kita tahu di Malaysia terdapat Undang-undang Sivill dan Undang-undang Islam. Undang-undang Sivill adalah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Persekutuan dan terpakai kepada semua orang di Malaysia. Manakala, Undang-undang Islam diluluskan di Dewan Undangan Negeri kerana Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri. Namun undang-undang Islam hanya terpakai kepada orang Islam sahaja, sedangkan Undang-undang Sivill terpakai kepada semua.

Akta Kanak-Kanak terpakai kepada semua kanak-kanak Islam dan bukan Islam, namun dalam beberapa perkara kanak-kanak Islam dikawal di bawah negeri. Akta Kanak-kanak pula membahagikan kanak-kanak kepada lima (5) kumpulan iaitu:

- Kanak-kanak yang memerlukan jagaan dan perlindungan;
- Kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemuliharaan;
- Kanak-kanak yang di luar kawalan
- Kanak-kanak yang dilarikan dan diperdagangkan;
- Kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah.